

BULETIN BTM INSTUN MAC 2022

KURSUS DALAM TALIAN: SMARTPHONE VIDEOGRAPHY (TME12/22)

Tajuk : KURSUS DALAM TALIAN: SMARTPHONE VIDEOGRAPHY (TME12/22)

Tarikh : 15 sehingga 17 Mac 2022 (Selasa - Khamis)

Lokasi : Dalam Talian (Online)

Penglibatan : 43 orang peserta

Ringkasan Program :



Kursus Dalam Talian: Smartphone Videography (TME12/22) merupakan salah satu kursus anjuran Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2022 di bawah kategori Asas Penerbitan Video. Kursus ini yang pada asalnya

dirancang untuk dilaksanakan secara bersemuka di INSTUN, terpaksa ditukar kaedah pelaksanaannya kepada kaedah dalam talian (*online*) berikutan situasi semasa pandemik Covid-19.

Kursus ini telah melibatkan seramai 43 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara langsung (*live*) menerusi aplikasi Zoom yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (*hands-on lab*) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah secara dalam talian.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat menggunakan *smartphone* bagi tujuan mengambil video, menyunting dan menghasilkan video yang berkualiti.


Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan, Encik Muhamamad Dhiya Bin Mohammad daripada DHI Training and

Services, Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.

Gambar Sepanjang Kursus Berlangsung :



Penceramah menunjukkan contoh video menggunakan *smartphone* hasil daripada teknik *Chroma Key*



Sebahagian daripada peserta kursus TME12/22

Penceramah dan Urus Setia Kursus:



Penceramah: En. Muhammad Dhiya Bin Mohammad



Penyelaras Kursus: Pn. Nurul Fazrin Binti Asmoni